



# PELAN ANTI RASUAH 2021-2025



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA  
ARAS 5 - 10, BLOK F9, KOMPLEKS F  
LEBUH PERDANA TIMUR, PRESINT 1  
62000 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

TEL: +603 8091 8000  
EMEL: [pro@perpaduan.gov.my](mailto:pro@perpaduan.gov.my)

   @PerpaduanNegara

 [www.perpaduan.gov.my](http://www.perpaduan.gov.my)



**KEMENTERIAN  
PERPADUAN NEGARA**

**PELAN ANTIRASUAH**  
**2021 -2025**

## **KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA**

Aras 5-10, Blok F9, Kompleks F, Lebuhr Perdana Timur A

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62000 Putrajaya

Tel: 03-8091 8000

Faks: 03-8091 8239

## **HAK CIPTA TERPELIHARA 2021**

Sebarang edaran atau penghasilan semula mana-mana bahagian atau keseluruhan kandungan dalam apa jua bentuk adalah dilarang. Sebarang pengeksploitasian untuk tujuan komersial tanpa kebenaran bertulis adalah tidak dibenarkan sama sekali.

## **PENAFIAN**

Maklumat yang terkandung dalam pelan ini adalah khusus untuk kegunaan Kementerian Perpaduan Negara (KPN) dan tertakluk kepada perubahan tanpa sebarang notis. KPN tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kesusialan akibat penggunaan maklumat yang terkandung di dalamnya.

# AMANAT

## MENTERI PERPADUAN NEGARA

Assalamualaikum, Salam Sejahtera dan Salam Perpaduan.

Rasuah merupakan parasit yang mampu merebak dan merosakkan kecemerlangan sesuatu organisasi. Saya percaya pembudayaan dan pengamalan integriti secara berterusan merupakan batu asas kepada penyampaian perkhidmatan yang berkualiti.



Pelan Antirasuah Kementerian Perpaduan Negara (OACP KPN) 2021-2025 merealisasikan harapan dan hasrat Kementerian untuk menggembeng segala usaha demi memastikan penyampaian perkhidmatan Kementerian adalah berteraskan kepada prinsip dan nilai etika kerja yang tinggi.

Marilah kita bersama-sama menjiwai, menekuni dan melaksanakan setiap inisiatif yang terkandung dalam pelan ini dengan penuh penghayatan agar penyampaian perkhidmatan KPN sentiasa bebas daripada amalan rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan, sekali gus, menyumbang kepada kejayaan aspirasi nasional “Malaysia, dikenali kerana integriti dan bukannya rasuah”.

**YB DATUK HALIMAH BINTI MOHAMED SADIQUE**  
**Menteri Perpaduan Negara**

# PERNYATAAN KOMITMEN KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) Kementerian Perpaduan Negara atau OACP KPN 2021-2025 merupakan satu dokumen dasar antirasuah yang dihasilkan bertujuan untuk menangani permasalahan dan kelemahan governans, integriti dan antirasuah dalam organisasi. Dokumen ini merupakan satu pernyataan komitmen Kementerian dalam membanteras gejala rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan.

Kerangka dasar dan strategi OACP KPN 2021-2025 dibangunkan hasil daripada sesi perbincangan dan bengkel yang dijalankan bersama-sama pegawai-pegawai Kementerian dan agensi di bawahnya iaitu Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) dan Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MITRA) dari setiap Bahagian, Negeri dan Wilayah Persekutuan. Pelan tindakan yang dihasilkan adalah untuk merungkai isu- isu dalaman organisasi berkaitan kelemahan integriti, tadbir urus dan gejala rasuah yang harus ditangani.

Oleh demikian, OACP KPN 2021-2025 akan menjadi panduan kepada semua warga Kementerian Perpaduan Negara dalam melaksanakan tugas dengan penuh amanah, telus dan berintegriti seiring dengan aspirasi negara untuk mencapai status negara bebas rasuah.

# RINGKASAN EKSEKUTIF DAN SUSUNAN BAB

OACP KPN 2021-2025 dihasilkan susulan daripada pelancaran Pelan Antirasuah Nasional (NACP) oleh YAB Tun Dr. Mahathir bin Mohamed, Perdana Menteri Malaysia ke-7 pada 29 Januari 2019 dan Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2018 Siri 2, No. 1 Tahun 2019 berkaitan Pemantapan Governan, Integriti dan Antirasuah Dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia: Pelaksanaan Pelan Antirasuah Nasional. OACP KPN 2021-2025 merupakan satu dokumen dasar antirasuah yang menggariskan tindakan menyeluruh dan bersepadu untuk memerangi rasuah.

## **Bab 1: Kementerian Perpaduan Negara**

Menerangkan latar belakang organisasi dan pelaksanaan inisiatif serta usaha Kementerian untuk memerangi rasuah dan memupuk budaya integriti dalam kalangan warga kerja. Pelbagai inisiatif khusus melibatkan dasar integriti dan tadbir urus Kementerian telah dilaksanakan sebagai bukti komitmen pihak Pengurusan Tertinggi Kementerian untuk menerapkan usaha melestarikan nilai murni dan etika kerja yang berintegriti.

## **Bab 2 : Risiko dan Senario Masa Hadapan**

Merungkai senario isu dan permasalahan integriti di Kementerian Perpaduan Negara serta tindakan inisiatif yang perlu diambil bagi menutup ruang dan peluang risiko integriti. Pendekatan yang telah diambil untuk membina kerangka pelan yang menyeluruh melibatkan proses menganalisis potensi risiko rasuah dan pelaksanaan senario rasuah yang mungkin berlaku. Dalam membangunkan pelan ini, segala bentuk kemungkinan rasuah telah dikenal pasti dan tindakan kawalan yang praktikal serta pemantuan pelaksanaan turut dicadangkan.

# RINGKASAN EKSEKUTIF DAN SUSUNAN BAB

## **Bab 3 : Pelaksanaan, Pemantauan dan Penilaian**

Menjurus kepada mekanisme pemantauan dan penilaian yang perlu dilaksanakan oleh semua Agensi/Bahagian/Negeri bagi memantau kemajuan pelaksanaan agar selari dengan kerangka yang disediakan. Ia juga merupakan langkah untuk mengenal pasti cabaran-cabaran dalam pelaksanaan inisiatif agar dapat diselaraskan dengan lebih berkesan.

## **Bab 4 : Mendepani Perubahan**

Merumus dan menyimpulkan objektif pembangunan pelan tindakan dalam memastikan tindakan adalah menyeluruh dan bersepadu.

# ISI

## KANDUNGAN

<b>Amanat Menteri</b>	3
<b>Pernyataan Komitmen</b>	4
<b>Ringkasan Eksekutif</b>	5
<b>Bab Satu &gt;&gt; Kementerian Perpaduan Negara</b>	
Latar Belakang Organisasi	10
Sejarah Penubuhan	12
Profil Korporat	13
Visi dan Misi	15
Peranan Kementerian	16
Pihak Berkepentingan	17
Dasar Integriti dan Tadbir Urus	18
Fungsi dan Tanggungjawab Unit Integriti	19
Isu dan Cabaran Menangani Rasuah	21
<b>Bab 2 &gt;&gt; Risiko &amp; Senario</b>	
Penilaian Risiko Dalam Merangka Pelan Strategik	24
Ramalan Risiko Senario Masa Hadapan	25
Penilaian Risiko dan Senario Masa Hadapan	26
Kerangka Pelan Antirasuah Kementerian Perpaduan Negara	27
Analisis Kuadran Mengikut Impak dan Kompleksiti	29
Keutamaan Strategi Mengikut Kuadran	30
Pelan Tindakan OACP KPN 2021-2025	32
Cadangan Inisiatif Mengikut Bidang Keutamaan	33



# ISI

## KANDUNGAN

<b>Bab 3 &gt;&gt; Pelaksanaan, Pemantauan &amp; Penilaian</b>	
Pelaksanaan OACP KPN 2021-2025	57
Mekanisme Penyelarasan Pemantauan dan Penilaian	58
Mekanisme Pemantauan Mesyuarat Jawatankuasa OACP KPN	59
Mekanisme Pemantauan Keanggotaan Jawatankuasa OACP KPN	60
<b>Bab 4 &gt;&gt; Mendepani Perubahan</b>	
Usaha Berterusan	62
<b>Penghargaan</b>	63
<i>Working Taskforce</i> OACP KPN 2021-2025	64
Rujukan Singkatan	72

# BAB SATU

## KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

# LATAR BELAKANG ORGANISASI

Sejarah penubuhan Kementerian Perpaduan Negara bermula dari Jabatan Perpaduan Negara yang ditubuhkan ekoran daripada peristiwa 13 Mei 1969 oleh Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) sebagai Urus Setia untuk menyelaras aktiviti berbentuk perpaduan dan muhibah antara kaum.

Tugas utama Jabatan Perpaduan Negara pada masa itu ialah untuk membuat kajian ke atas sikap antara kaum bagi memupuk semangat muhibah serta memulihkan semula hubungan rapuh antara rakyat dengan Kerajaan. Susulan daripada itu, MAGERAN telah menubuhkan Majlis-majlis Muhibah di peringkat pusat, negeri dan daerah di bawah Peraturan-peraturan (Majlis Muhibah) 1969 dan akhirnya pada 23 Februari 1971, MAGERAN telah dibubarkan dan diganti dengan Majlis Penasihat Perpaduan Negara.

Pada 1 Januari 1972, Jabatan Perpaduan Negara telah digabungkan dengan Pejabat Muhibah Negara dan dinaik taraf kepada Kementerian Perpaduan Negara. Kementerian ini bertanggungjawab untuk menyelaras tugas-tugas Penasihat Perpaduan Negara, Majlis Muhibah di peringkat pusat dan Jawatankuasa Muhibah di peringkat negeri dan daerah.


Pada tahun 1974, Kementerian Perpaduan Negara telah ditukar tarafnya ke Lembaga Perpaduan Negara dan diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri. Pada bulan Februari 1980, Lembaga Perpaduan Negara telah digabungkan dengan Urus Setia Rukun Tetangga. Setelah penyusunan semula, mulai 1 Januari 1983 Lembaga Perpaduan Negara telah ditukar nama ke Jabatan Perpaduan Negara dan mulai 27 Oktober 1990, Jabatan ini telah diletakkan di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat.

# LATAR BELAKANG ORGANISASI

Berikutan penyusunan semula Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan pada 27 Mac 2004, Jabatan Perpaduan Negara telah diubah nama ke Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional dan diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri. Walau bagaimanapun, hasil daripada penyusunan semula Kementerian dan Jabatan pada 18 Mac 2008, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional telah dipindahkan ke Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan. Namun, pada April 2009, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional telah sekali lagi diletakkan kembali di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Pada 10 Mac 2020, Kementerian Perpaduan Negara telah ditubuhkan dan sebanyak dua (2) agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri iaitu Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional dan Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MITRA) telah diletakkan di bawah tanggungjawab Kementerian.

# SEJARAH PENUBUHAN KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA



# PROFIL KORPORAT ORGANISASI

Kementerian Perpaduan Negara mempunyai tiga (3) Bahagian dan satu (1) Sekretariat serta dua (2) Agensi di bawahnya iaitu Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) dan Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MITRA) yang bertindak sebagai fungsi teras Kementerian, manakala sebanyak tujuh (7) Bahagian/Unit dan 16 Pejabat Negeri yang bertindak sebagai fungsi sokongan.

## Fungsi Teras Kementerian Perpaduan Negara

- Bahagian Dasar dan Hubungan Antarabangsa
- Bahagian Pembangunan Masyarakat
- Bahagian Perhubungan Masyarakat
- Sekretariat Perpaduan Negara

## Agensi Di Bawah Kementerian

### Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN)

- agensi peneraju untuk memelihara, meningkat dan memperkukuhkan perpaduan dan keharmonian masyarakat di Malaysia

### Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MITRA)

- unit khas bertanggungjawab dalam menangani isu pembangunan sosioekonomi masyarakat India di Malaysia khususnya golongan B40

# PROFIL KORPORAT ORGANISASI

## Pejabat Kementerian Di Negeri-Negeri

- Perlis
- Kedah
- Pulau Pinang
- Perak
- Selangor
- Negeri Sembilan
- Melaka

- Johor
- Kelantan
- Terengganu
- Pahang
- Sarawak
- Sabah

- Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
- Wilayah Persekutuan Putrajaya
- Wilayah Persekutuan Labuan

## Fungsi Sokongan Kementerian Perpaduan Negara

- Pejabat Penasihat Undang-Undang
- Unit Komunikasi Korporat
- Unit Audit Dalam
- Unit Integriti

- Bahagian Khidmat Pengurusan
- Bahagian Pengurusan Maklumat
- Bahagian Akaun

# **VISI & MISI**

**KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA**

## **VISI**

**PENERAJU PERPADUAN YANG INKLUSIF  
KE ARAH KEMAKMURAN BERSAMA**


## **MISI**

**MENINGKATKAN USAHA BAHARU  
PENYATUPADUAN UNTUK MEMBINA  
TAPAK INTEGRASI BAGI PENGUKUHAN  
SEMANGAT MUHIBAH DALAM  
KALANGAN RAKYAT**



# PERANAN KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

Kementerian Perpaduan Negara mempunyai peranan dan tanggungjawab yang amat besar dan luas terhadap masyarakat pelbagai kaum di negara ini melalui pendekatan mendamping, mendidik dan memperkasakan masyarakat dalam memainkan peranannya sebagai agen perpaduan negara.



# PIHAK BERKEPENTINGAN & RAKAN STRATEGIK

Bagi mencapai objektif dan menepati peranan Kementerian serta mendukung cita-cita Rakyat Malaysia, Kementerian ini sering melaksanakan komunikasi dua hala bagi mendapatkan pandangan, rujukan dan maklum balas dari pihak-pihak berkepentingan dan rakan-rakan strategik seperti yang berikut:



# DASAR INTEGRITI & TADBIR URUS

Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2013 mengarahkan penubuhan Unit Integriti di semua agensi awam untuk bertindak sebagai *focal point* kepada pengurusan isu-isu berkaitan integriti dalam organisasi. Oleh itu, objektif penubuhan Unit Integriti di Kementerian ini adalah untuk:

- 1 Meningkatkan kesedaran dan membudayakan integriti sebagai amalan kerja unggul berteraskan ciri-ciri moral dan etika yang kukuh
- 2 Memberikan hala tuju dan bimbingan kepada warga organisasi agar sentiasa berintegriti, bekerjasama, bersatu padu, bermoral dan beretika
- 3 Menggalakkan semangat bertanggungjawab dalam kalangan warga organisasi dan mendorong perkembangan mereka dalam menjunjung prinsip integriti

# FUNGSI & TANGGUNGJAWAB UNIT INTEGRITI

Unit Integriti, Kementerian Perpaduan Negara bertanggungjawab untuk melaksanakan fungsi-fungsi yang berikut:

a) **Tadbir Urus**

Memastikan tadbir urus terbaik dilaksanakan di samping menangani isu-isu integriti, terutamanya berkaitan perilaku rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa dalam organisasi.

b) **Pengukuhan Integriti**

Memastikan pembudayaan, penginstitutionan dan pelaksanaan integriti dalam organisasi.

c) **Pengesanan dan Pengesahan**

Membuat pengesanan dan pengesahan terhadap aduan salah laku jenayah, pelanggaran tata kelakuan dan etika organisasi yang diterima serta memastikan tindakan susulan yang sewajarnya diambil dan melaporkan salah laku jenayah kepada agensi penguatkuasaan yang bertanggungjawab.

d) **Pengurusan Aduan**

Menerima dan mengambil tindakan ke atas aduan berkaitan salah laku, penyelewengan dan rasuah atau pelanggaran tata kelakuan dan etika.

# FUNGSI & TANGGUNGJAWAB UNIT INTEGRITI

e) Pematuhan


Melaksanakan pemantauan ke atas pematuhan undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa serta memastikan tiada ruang dan peluang untuk warga kakitangan melakukan kesalahan daripada segi jenayah, tata kelakuan dan etika.

f) Tatatertib

Melaksanakan kerja-kerja pengurusan tatatertib dan fungsi urus setia Lembaga Tatatertib berdasarkan Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

# ISU & CABARAN MENANGANI RASUAH


Berdasarkan laporan analisis ke atas maklumat rasuah di Malaysia, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mendapati bahawa lebih 80% daripada aduan rasuah adalah berpunca daripada kegagalan pentadbiran, konflik kepentingan, kelemahan kawalan dalaman dan kurang ketelusan.



# ISU & CABARAN MENANGANI RASUAH

Melalui siri-siri bengkel yang dilaksanakan semasa membangunkan Pelan Antirasuah Kementerian Perpaduan Negara, sebanyak 206 kelemahan telah dikenal pasti sebagai punca yang berpotensi membuka ruang dan peluang kepada perlakuan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 76% kelemahan menjurus kepada aspek tadbir urus, manakala 24% adalah disebabkan oleh kelemahan diri pegawai sendiri. Pecahan kelemahan tadbir urus mengikut peratusan berdasarkan analisis punca rasuah oleh SPRM adalah seperti berikut:

## KELEMAHAN TADBIR URUS YANG MEMBUKA RUANG DAN PELUANG KEPADA PELAKUAN RASUAH, PENYELEWENGAN DAN SALAH GUNA KUASA



# BAB DUA

## RISIKO & SENARIO



# PENILAIAN RISIKO DALAM MERANGKA PELAN STRATEGIK

Untuk memastikan pelaksanaan pelan strategik ini berjalan lancar dan berkesan, pendekatan 5A yang menyeluruh telah digunakan untuk membina kerangka pelan OACP KPN. Pendekatan ini terdiri daripada langkah-langkah Jangkaan (*Anticipation*), Advokasi (*Advocacy*), Persepakatan (*Alliance*), Tindakan (*Action*) dan Akreditasi (*Accreditation*).

## JANGKAAN (*Anticipation*)

01

Dianogsis awal masalah ancaman & cabaran rasuah melalui Penilaian Risiko Rasuah (CRA) yang melibatkan proses pengumpulan & analisis maklumat daripada pelbagai sumber. Langkah ini adalah penting untuk membantu organisasi mengenal pasti langkah - langkah pembetulan yang tepat untuk mengurangkan / menghapuskan risiko rasuah dalam organisasi.

## ADVOKASI (*Advocacy*)

02

Cadangan dasar & peraturan untuk mengatasi risiko dalam Kementerian. Setiap Bahagian yang dinyatakan sebagai Bahagian Yang Bertanggungjawab perlu mengambil tindakan ke atas syor & seterusnya melaksanakan aktiviti pengukuhan peraturan, sistem, struktur, tenaga kerja, belanjawan atau latihan.

## PERSEPAKATAN (*Alliance*)

03

Kerjasama dan koordinasi antara pihak dalaman & luaran termasuk mereka yang terlibat dalam pelaksanaan dasar. Ia akan membantu organisasi untuk memaksimumkan penggunaan sumber melalui perkongsian sumber dalam bentuk tenaga kerja, belanjawan atau logistik supaya lebih berkesan.

## TINDAKAN (*Action*)

04

Pelaksanaan atau penguatkuasaan undang - undang atau dasar, sama ada melalui penguatkuasaan, pendekatan pencegahan atau pendidikan. Organisasi hendaklah bertindak tegas dan adil dalam setiap tindakan untuk menghalang, mencegah dan memerangi rasuah di semua peringkat berlandaskan prinsip perundangan dan undang - undang yang sedia ada.

## AKREDITASI (*Accreditation*)

05

Memfokuskan kepada proses pemantauan dan penilaian bagi memastikan semua dasar dan peraturan telah dipatuhi dan dilaksanakan sepenuhnya oleh individu / organisasi. Tujuan akreditasi bukan sekadar untuk memberi ganjaran tetapi juga untuk memperbaiki dasar atau aktiviti semasa, serta menggalakkan orang lain berbuat perkara yang sama.

# RAMALAN RISIKO SENARIO MASA HADAPAN

Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023 telah meletakkan empat (4) senario utama bagi meramalkan keadaan risiko rasuah yang mungkin berlaku pada masa hadapan dan tindakan-tindakan yang dilaksanakan oleh sesebuah agensi. Ia meliputi senario kesinambungan, kekangan, perkembangan dan senario merudum.



# PENILAIAN RISIKO & SENARIO MASA HADAPAN

Dalam usaha membangunkan kerangka pelan tindakan antirasuah KPN, sebanyak lima (5) bengkel telah dilaksanakan merangkumi Bengkel Pembangunan Pelan Antirasuah Organisasi dan Bengkel Pembangunan Pelan Pengurusan Risiko Rasuah seperti berikut:

BIL	TAJUK BENGKEL
1	<b>Bengkel Pembangunan Jadual Pangkalan Data</b> 28-30 Januari 2020 (Selasa - Khamis) Bilik Mesyuarat Aras 8 (Sesi Taklimat) dan Bilik Aras 10 Ibu Pejabat Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN)
2	<b>Bengkel Pembangunan Pelan Antirasuah Organisasi</b> 25 - 27 Februari 2020 (Selasa - Khamis) Pusat Pelancongan Malaysia (MaTiC) Jalan Ampang, Kuala Lumpur
3	<b>Bengkel Pemurnian OACP Kementerian Perpaduan Negara</b> 20 - 21 Julai 2020 (Isnin - Selasa) Dewan Damar Sari, Blok F8, Kompleks F, WP Putrajaya
4	<b>Bengkel Pembangunan Pelan Pengurusan Risiko Rasuah</b> 21 - 23 Ogos 2020 (Jumaat - Ahad) Hotel Sunway Putra, Kuala Lumpur
5	<b>Bengkel Pemurnian Pelan Pengurusan Risiko Rasuah (Secara Maya)</b> 24-25 dan 30 November 2020; 1 dan 8 Disember 2020 Melalui Aplikasi Google Meet

# KERANGKA PELAN ANTIRASUAH KEMENTERIAN

Kerangka ini menggariskan Visi dan Misi Kementerian Perpaduan Negara dalam menangani gejala rasuah iaitu dengan melestarikan Kementerian dengan nilai murni dan etika kerja yang berintegriti dan membudayakan penyampaian perkhidmatan Kementerian berdasarkan tadbir urus yang telus dan berakauntabiliti selaras dengan Aspirasi Nasional untuk Malaysia dikenali kerana integriti dan bukannya rasuah.

## ASPIRASI NASIONAL

Malaysia Dikenali Kerana  
Integriti dan Bukannya Rasuah

## VISI

Melestari Kementerian Perpaduan Negara  
Dengan Nilai Murni dan Etika Kerja  
Yang Berintegriti

## MISI

Memperkasa Penyampaian Perkhidmatan  
Kementerian Perpaduan Negara Berdasarkan  
Tadbir Urus Yang Telus dan Berakauntabiliti

# KERANGKA PELAN ANTIRASUAH


Bagi mencapai matlamat ini, sebanyak empat (4) Bidang Keutamaan merangkumi empat (4) Strategi telah dikenal pasti sebagai tunjang yang penting untuk melaksanakan pelbagai inisiatif OACP KPN. Setiap strategi yang dikenal pasti mempunyai Objektif Strategik spesifik bagi memastikan pelaksanaan inisiatif adalah bagi mencapai visi dan misi OACP KPN.

## BIDANG KEUTAMAAN



# ANALISIS KUADRAN MENGIKUT IMPAK & KOMPLEKSITI

Analisis Kuadran di bawah menggambarkan keutamaan bagi 37 inisiatif yang dikenal pasti daripada 110 inisiatif OACP KPN berdasarkan punca rasuah yang ditemui. Inisiatif-inisiatif utama ini ditentukan berdasarkan analisa tahap impak dan tahap kompleksiti pelaksanaannya. Sebanyak 18 inisiatif berada dalam kelompok Kuadran A (impak tinggi dan kompleksiti rendah) yang membawa erti bahawa pelaksanaan inisiatif tersebut hanya memerlukan sedikit usaha namun mempunyai kesan besar kepada organisasi. Manakala sebanyak 19 inisiatif berada di dalam kelompok Kuadran B (impak tinggi dan kompleksiti tinggi) yang membawa erti bahawa pelaksanaan inisiatif memerlukan usaha dan kerjasama tinggi serta mempunyai kesan yang tinggi terhadap organisasi.



## Impak

*Kesan atau hasil positif yang dicapai melalui pelaksanaan sesuatu inisiatif*

## Kompleksiti

*Kesukaran dan kerumitan dalam pelaksanaan sesuatu inisiatif*

# KEUTAMAAN STRATEGI MENGIKUT KUADRAN

## KUADRAN A

No.	Strategi	Rujukan Inisiatif	Inisiatif
1.	1	1.1.4	Memberi kefahaman kepada pemimpin politik tempatan (DUN/PARLIMEN) berkaitan tadbir urus dan pengoperasian KRT
2.		1.2.5	Menyelesaikan isu perebutan dan pertikaian AJKRT melalui proses mediasi
3.		1.3.3	Mewujudkan Garis Panduan Tindakan Punitif kepada anggota SRS yang membuat salah laku/pelanggaran peraturan/akta
4.		1.4.1	Memperkenalkan Garis Panduan / Pekeliling Taska Perpaduan yang sistematik
5.		1.6.3	Memperkenalkan Garis Panduan Audit Keselamatan Untuk Taska dan Tabika Perpaduan
6.		1.7.1	Menambah baik garis panduan berkaitan penyediaan menu makanan sihat untuk kanak-kanak di Taska dan Tabika Perpaduan
7.		1.8.1	Melaksanakan Modul Integriti Prasekolah di setiap kelas Taska dan Tabika Perpaduan
8.		1.9.7	Memperkuh sistem pengurusan fail di MITRA
9.	2	2.1.1	Meningkatkan kecekapan, kesedaran dan profesionalisme warga kakitangan melalui latihan berkala
10.		2.1.7	Meningkatkan pemantauan oleh penyelia dan mengambil tindakan punitif terhadap pegawai yang terlibat
11.		2.2.10	Menambah baik garis panduan berkaitan permohonan pinjaman peribadi
12.	3	3.1.6	Memperkasa tanggungjawab Penyelia untuk menyemak kewajaran tuntutan
13.	3	3.2.1	Mewujudkan kawalan dalaman dalam Sistem Maklumat Bersepadu Perolehan Kerajaan (GPIS) dengan melantik penyelia GPIS
14.	4	4.1.5	Mewujudkan peranan penyelia bagi tujuan <i>cross-check</i>
15.		4.2.1	Memastikan rekod daftar dikemas kini dan disemak secara bulanan
16.		4.2.3	Mengadakan kursus/taklimat berkaitan prosedur dan pengurusan sewaan premis di bawah Jabatan
17.		4.4.2	Mewajibkan pelaksanaan <i>E-Vetting</i> kepada pegawai yang mengurus dan terlibat secara langsung dengan maklumat terperingkat
18.		4.4.3	Melaksanakan NDA ( <i>Non-Disclosure Agreement</i> ) bagi setiap mesyuarat atau prosedur yang melibatkan maklumat terperingkat

# KEUTAMAAN STRATEGI MENGIKUT KUADRAN

## KUADRAN B

No.	Strategi	Rujukan Inisiatif	Inisiatif
1.	1	1.1.2	Memperkasa mekanisme pemantauan KRT
2.		1.1.3	Meningkatkan pengetahuan pegawai berkaitan tadbir urus dan pengoperasian KRT
3.		1.2.1	Menambah baik Garis Panduan Pemilihan dan Pelantikan AJKRT terutama dalam menerangkan tatacara pemilihan AJKRT kepada komuniti
4.		1.2.3	Memperkasa garis panduan berkaitan pengeluaran wang KRT
5.		1.2.6	Mewujudkan Garis Panduan Tindakan Punitif kepada AJKRT yang membuat salah laku/pelanggaran peraturan/akta
6.		1.3.2	Meningkatkan kefahaman mengenai tanggungjawab dan peraturan berkaitan tugas dan pengoperasian kepada anggota SRS
7.		1.4.4	Memantapkan pengurusan operasi Tabika Perpaduan dengan menambah baik Sistem E-Tabika dan Sistem Pelaporan Bulanan
8.		1.5.3	Menambah baik urusan penempatan dan pusingan kerja Guru/Penolong Guru/Pendidik
9.		1.6.1	Menambah baik garis panduan berkaitan keselamatan premis Tabika
10.		1.9.2	Menambah baik Sistem Permohonan Geran Secara Sistemik ( <i>Online Application</i> )
11.		1.9.4	Menetapkan had kuasa dan tanggungjawab pegawai
12.	2	2.1.2	Mewujudkan Myportfolio bagi setiap perjawatan di KPN
13.		2.2.2	Memperkenalkan Kod Tatalaku Kementerian
14.	3	3.1.1	Memperkenalkan kajian audit ke atas pengurusan kewangan Kementerian/Jabatan
15.		3.1.9	Mengenal pasti keperluan dan mewujudkan mekanisme tambahan dalam proses permohonan/semakan/penilaian
16.		3.2.3	Mewujudkan garis panduan berkaitan <i>Whistle Blower Act</i> di bawah kementerian
17.		3.2.5	Melaksanakan <i>integrity test</i> kepada semua pegawai
18.		3.2.13	Memperkemas garis panduan berkaitan penyediaan kontrak perjanjian dengan menyediakan draf kontrak perjanjian yang standard bagi semua jenis perolehan
19.	4	4.1.1	Melaksanakan audit aset dalam dengan lebih kerap



# PELAN TINDAKAN

## OACP KPN 2021-2025

Secara keseluruhannya, sebanyak empat (4) Strategi telah dikenal pasti bagi melaksanakan inisiatif OACP KPN. Setiap strategi mempunyai Objektif Strategik spesifik bagi memastikan pelaksanaan inisiatif adalah bagi mencapai visi dan misi OACP KPN.

### PELAN TINDAKAN

## OACP KPN 2021 - 2025



**Jumlah Keseluruhan  
Objektif Strategik**

**18**

**Jumlah Keseluruhan  
Inisiatif Perlaksanaan**

**110**

# CADANGAN INISIATIF MENGIKUT BIDANG KEUTAMAAN

## **BIDANG KEUTAMAAN:**

**PEMBANGUNAN DAN PERHUBUNGAN MASYARAKAT**

## **STRATEGI 1:**

**MENGINSTITUSI KREDIBILITI DAN AKAUNTABILITI JENTERA  
PERPADUAN**

<b>OBJEKTIF STRATEGIK</b>	
<b>1.1</b>	<b>Meningkatkan ketelusan tadbir urus dan pengoperasian Kawasan Rukun Tetangga (KRT)</b>
<b>1.2</b>	<b>Mempertingkatkan tadbir urus dan akauntabiliti Ahli Jawatankuasa Rukun Tetangga (AJKRT)</b>
<b>1.3</b>	<b>Mempertingkatkan integriti dan akauntabiliti anggota Skim Rondaan Sukarelawan (SRS)</b>
<b>1.4</b>	<b>Mempertingkatkan keberkesanan pelaksanaan Garis Panduan Taska dan Tabika Perpaduan</b>
<b>1.5</b>	<b>Meningkatkan ketelusan pengurusan kewangan Taska dan Tabika Perpaduan</b>
<b>1.6</b>	<b>Meningkatkan keselamatan premis Taska dan Tabika Perpaduan</b>
<b>1.7</b>	<b>Menambah baik pengurusan pengendalian makanan di Taska dan Tabika Perpaduan</b>
<b>1.8</b>	<b>Meningkatkan fahaman dan semaian nilai murni serta integriti dalam pendidikan awal kanak-kanak</b>
<b>1.9</b>	<b>Meningkatkan ketelusan dalam pengurusan geran MITRA</b>

**Objektif Strategik 1.1:  
Meningkatkan ketelusan tadbir urus dan pengoperasian Kawasan Rukun  
Tetangga (KRT)**

Inisiatif		Pelaksana	Tempoh Masa
1.1.1	Mencadangkan pindaan Akta Rukun Tetangga bagi menambah baik ketelusan pengoperasian KRT khususnya dalam pemilihan Ahli Jawatankuasa KRT (AJKRT)	BPMK JPNIN	2021-2023
1.1.2	Memperkasa mekanisme pemantauan KRT	BPMK JPNIN	2021-2025
1.1.3	Meningkatkan pengetahuan pegawai berkaitan tadbir urus dan pengoperasian KRT termasuk tindakan yang boleh diambil terhadap Pegawai sekiranya berlaku salah guna kuasa	BPMK JPNIN	2021-2025
1.1.4	Memberi kefahaman kepada pemimpin politik tempatan (DUN/PARLIMEN) berkaitan tadbir urus dan pengoperasian KRT	BPMK JPNIN	2021-2022
1.1.5	Melaksanakan pusingan tugas kepada pegawai di Daerah dan Negeri yang menyelia KRT	BKP (CSM) JPNIN BKP (SSM) KPN	2021-2022

**Objektif Strategik 1.2:****Mempertingkatkan tadbir urus dan akauntabiliti Ahli Jawatankuasa Rukun Tetangga (AJKRT)**

Inisiatif		Pelaksana	Tempoh Masa
1.2.1	Menambah baik Garis Panduan Pemilihan dan Pelantikan AJKRT terutama dalam menerangkan tatacara pemilihan AJKRT kepada komuniti	BPMK JPNIN	2021-2023
1.2.2	Memantapkan pengetahuan AJKRT mengenai prosedur kewangan dan pelaksanaan program/aktiviti RT	JPNIN Negeri	2021 - 2025
1.2.3	Memperkasa garis panduan pengeluaran wang KRT termasuk bekerjasama dengan pihak bank untuk mewajibkan Surat Kelulusan Pengeluaran Wang KRT dari Pengarah Negeri dan pengesahan oleh pihak bank kepada Pegawai Penyelaras bagi setiap pengeluaran wang KRT	JPNIN Negeri	2021-2022
1.2.4	Menambah baik mekanisme pengiktirafan kepada AJKRT yang cemerlang	BPMK JPNIN	2021-2025
1.2.5	Menyelesaikan isu perebutan dan pertikaian AJKRT melalui proses mediasi	JPNIN Negeri	2021-2023
1.2.6	Mewujudkan Garis Panduan Tindakan Punitif kepada AJKRT yang membuat salah laku/pelanggaran peraturan/akta	BPMK JPNIN	2021-2023

**Objektif Strategik 1.3:****Mempertingkatkan integriti dan akauntabiliti anggota Skim Rondaan Sukarelawan (SRS)**

Inisiatif		Pelaksana	Tempoh Masa
1.3.1	Memperkasa mekanisme pelantikan SRS	BPMK JPNIN	2022-2023
1.3.2	Meningkatkan kefahaman mengenai tanggungjawab dan peraturan berkaitan tugas dan pengoperasian kepada anggota SRS	JPNIN Negeri	2021-2022
1.3.3	Mewujudkan Garis Panduan Tindakan Punitif kepada Anggota SRS yang membuat salah laku/pelanggaran peraturan/akta	JPNIN Negeri	2021 - 2025

**Objektif Strategik 1.4:****Mempertingkatkan keberkesanan pelaksanaan Garis Panduan Taska dan Tabika Perpaduan**

Inisiatif		Pelaksana	Tempoh Masa
1.4.1	Memperkenalkan Garis Panduan / Pekeliling Taska Perpaduan yang sistematik	BKSIN JPNIN	2021-2022
1.4.2	Menambah baik Garis Panduan / Pekeliling Tabika Perpaduan sedia ada	BKSIN JPNIN	2021-2022
1.4.3	Meningkatkan pengetahuan dan kefahaman mengenai pelaksanaan Garis Panduan Taska Perpaduan dan Garis Panduan Tabika Perpaduan	BKSIN JPNIN JPNIN Negeri	2021-2025
1.4.4	Memantapkan pengurusan operasi Tabika Perpaduan dengan menambah baik Sistem E-Tabika dan Sistem Pelaporan Bulanan	BKSIN JPNIN	2021-2022

**Objektif Strategik 1.5:  
Meningkatkan ketelusan pengurusan kewangan Taska dan Tabika Perpaduan**

Inisiatif		Pelaksana	Tempoh Masa
1.5.1	Meningkatkan pengetahuan, kefahaman dan kemahiran Penyelia Kelas, Guru, Penolong Guru dan Pendidik berkaitan pengurusan kewangan Taska dan Tabika termasuk tindakan yang boleh diambil sekiranya berlaku salah guna kuasa	BKSIN JPNIN IKLIN	2021-2024
1.5.2	Menerapkan elemen integriti dan nilai modal insan seperti jujur, tanggungjawab dan cekap dalam pengurusan Taska dan Tabika Perpaduan	JPNIN Negeri	2021-2024
1.5.3	Menambah baik urusan penempatan dan pusingan kerja Guru / Penolong Guru / Pendidik	BKP(SSM) KPN BKP(CSM) JPNIN	2021-2024
1.5.4	Menambah baik mekanisme dan garis panduan berkaitan penurunan kuasa	BKSIN JPNIN	2021-2022
1.5.5	Melaksanakan pusingan tugas kepada pegawai di Daerah dan Negeri yang menyelia Taska dan Tabika Perpaduan	BKP (CSM) JPNIN BKP (SSM) KPN	2021-2022

**Objektif Strategik 1.6 :****Meningkatkan keselamatan premis Taska dan Tabika perpaduan**

Inisiatif		Pelaksana	Tempoh Masa
1.6.1	Menambah baik garis panduan berkaitan keselamatan premis Tabika termasuk menyediakan peruntukkan khas kecemasan di peringkat JPNIN Negeri seperti membaiki kerosakan pintu, lampu dan sebagainya agar tindakan segera dapat diambil	BKSIN JPNIN	2021-2022
